

TERMA RUJUKAN (TOR)
MAJLIS PENYELIDIKAN UNIVERSITI (MPU)

1.	MAJLIS PENYELIDIKAN UNIVERSITI	<p>Mesyuarat Kabinet pada 26 Oktober 2005 telah bersetuju penubuhan Majlis Penyelidikan Universiti (MPU) bagi IPTA yang diberi taraf sebagai Universiti Penyelidikan di bawah Seksyen 26 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.</p> <p>MPU dipengerusikan oleh Naib Canselor dan ahli-ahlinya terdiri daripada ahli daripada kalangan pengurusan tertinggi Universiti, LGU, Senat, badan professional dan industri.</p>
2.	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	<ol style="list-style-type: none"> 1. MPU sebagai pihak berkuasa di dalam hal-hal penyelidikan Universiti. 2. MPU bertindak sebagai pihak berkuasa di dalam mengubal dasar dan hala tuju penyelidikan Universiti. 3. MPU merancang peruntukan dan penggunaan peruntukan penyelidikan Universiti. 4. MPU bertindak sebagai Pihak Berkuasa Tertinggi di dalam meluluskan kod etika dan garis panduan penyelidikan Universiti. 5. MPU merancang dan mewujudkan visi jelas di dalam mencartakan arah penyelidikan Universiti, termasuk melihat bidang penyelidikan sempadan baru untuk kelebihan persaingan masa hadapan. 6. MPU memastikan aktiviti penyelidikan di USM kekal relevan bagi keperluan masyarakat, industri dan kerajaan melalui peningkatan output dan relevan penyelidikan. 7. MPU menyelesaikan masalah berkaitan dengan dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang menghalang penyelidikan. 8. MPU menasihati Universiti dari aspek penyelidikan, termasuk mensasarkan peluang dan cabaran bagi memastikan Universiti kekal bersaing dan maju di barisan depan arena penyelidikan.
3.	KOMPOSISI MPU	<ol style="list-style-type: none"> 1. Naib Canselor sebagai Pengerusi; 2. Dua (2) orang ahli LGU yang bukan daripada kalangan ahli yang dilantik daripada Senat Universiti;

		<ol style="list-style-type: none"> 3. Semua Timbalan-timbalan Naib Canselor; 4. Dua (2) orang Profesor yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahlinya; 5. Pengarah Kampus Kesihatan; 6. Pengarah Kampus Kejuruteraan; 7. Dua (2) orang yang mewakili komuniti/industri yang dipilih dan dilantik oleh Naib Canselor yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu MPU; 8. Seorang wakil yang dilantik oleh Naib Canselor daripada kalangan setiap kluster atau kelompok sains, sastera, hibrid, kesihatan & perubatan, kejuruteraan dan penyelidikan & perkhidmatan yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu MPU; 9. Penasihat Undang-Undang; dan 10. Pendaftar atau wakil Pendaftar sebagai Setiausaha bagi MPU.
4.	TATACARA BERKAITAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. MPU dipengerusikan oleh Naib Canselor, dan semasa ketiadaan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab terhadap penyelidikan dan inovasi akan menjadi pengerusi MPU dan sekiranya kedua-duanya tiada, maka Naib Canselor boleh melantik salah seorang dari kalangan Timbalan Naib Canselor yang lain untuk mempengerusikan mesyuarat MPU tersebut. 2. Minit mesyuarat atau laporan MPU boleh dibentangkan di dalam mesyuarat LGU yang berikutnya; 3. MPU akan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam setahun. 4. Korum bagi MPU adalah seramai tujuh (7) orang termasuk Pengerusi (Naib Canselor atau mana-mana Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Naib Canselor di bawah sub-kaedah 1 diatas), salah seorang dari ahli yang terdiri dari ahli Lembaga Gabenor Universiti (LGU), salah seorang ahli dari wakil kluster atau kelompok dan empat (4) ahli lain. 5. Setiausaha bagi MPU adalah Pendaftar dan dibantu oleh pegawai kanan Pendaftar dari Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi.